

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERHIMPUNAN PENDIDIKAN SPS
DI BUKIT JAWI GOLF RESORT, PULAU PINANG
23 OKTOBER 1999

Elemen pembangunan dan perubahan dalam sistem pendidikan negara telahpun diterapkan dalam setiap laporan atau penyata yang telah dikemukakan termasuk laporan Rahman Talib, laporan Razak, dan berbagai lagi. Penyata Mahathir (1979) misalnya, jelas mengariskan bahawa sistem pendidikan itu semestinya "dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih". Asas falsafah ini kian berkembang dan digabungjalinkan secara implisit, elemen Islam.

2. Proses pembangunan dalam dekad lapan puluhan juga memperlihatkan usaha-usaha ke arah pendemokrasian pendidikan dan pembinaan insan di peringkat yang lebih global, sebagai usaha untuk melepaskan diri daripada kongkongan pemikiran yang sempit. Sistem pendidikan kita telah berjaya melahirkan masyarakat seperti yang dicita-citakan negara. Iltizam sistem pendidikan negara sealiran bagi melahirkan manusia atau masyarakat Melayu / Malaysia yang bertakwa, berdisiplin dan progresif.

3. Usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan mengintergrasikan secara serius unsur moral dalam falsafah dan sistem pendidikan negara adalah satu usaha yang berani dalam mengemukakan alternatif kepada sistem pendidikan sekular.

4. Pendidikan sepadu yang mengadunkan elemen teknologi dan moral amatlah penting kerana sistem pendidikan yang merenggangkan antara kedua-duanya akan meruntuhkan tamadun yang dibina kemudiannya, sebagaimana yang dialami oleh negara-negara barat. Inilah yang menjadi kebimbangan kita apabila ada segelintir kelompok masyarakat bertindak berdasarkan model barat.

5. Perkembangan yang pesat dalam sistem pendidikan melambangkan tahap kemajuan yang dicapai. Sudah pasti dalam kemajuan itu tentunya terdapat pula kemelut atau dilema dalam ertikata persoalan, percanggahan, cabaran atau konflik samada ekonomi, sosial mahupun politik.

6. Pengdemokrasian pendidikan di negara kita adalah yang unggul di rantau ini, setiap rakyat berhak mendapatkan pendidikan percuma dan fokus mendidik terus mengasaskan agar rakyat terdidik dan menguasai kemahiran 4M - membaca, menulis, mengira dan membentuk moral. Kecemerlangan sistem pendidikan kita diakui sebagai salah satu yang terbaik dan bertaraf dunia.

7. Kita sedar masyarakat guru mempunyai tugas yang amat berat dalam usaha mengangkat martabat bangsa. Kita amat hargai segala usaha yang telah dibuat, kita yakin hanya dengan dedikasi atau komitmen guru sajalah matlamat untuk merealisasikan martabat bangsa berada dipuncak kecemerlangan lebih-lebih lagi di era I.T. dapat menjadi realiti.

8. Dalam menghadapi cabaran alaf baru, sistem pendidikan merupakan wahana ke arah melahirkan insan yang kamil. Sistem yang kita amalkan sekarang ini juga akan menjamin, melahirkan sumber manusia yang dapat menyumbang dengan

berkesan ke arah pembangunan negara.

9. Sistem pendidikan perlu sealiran dengan kemajuan pesat negara. Kita tidak mahu sistem pendidikan bagaikan gerabak keretapi yang kalau gagal mengikut kepalanya akan terpicirilah kita dari landasan kemajuan.

10. Secara keseluruhannya kerajaan telah memberi perhatian khusus dalam bidang pendidikan, keutamaan sentiasa di pihak pendidikan, umpamanya di Daerah Seberang Perai selamat sendiri, dalam RMK-7 sejumlah RM 52 juta telah dibelanjakan untuk projek- projek pembangunan pendidikan seperti pembinaan sekolah baru, bangunan tambahan dan bangunan gantian. Peruntukan yang besar ini tidak termasuk lebih RM 1 juta untuk kerja-kerja penyenggaraan dan kerja naik taraf sekolah-sekolah. Inilah komitmen kita, satu bukti kita berkerja membangun rakyat.

11. Selain daripada pembangunan infrastruktur sekolah, berbagai program pembangunan kerohanian, motivasi dan kecemerlangan akademik dijalankan. Saya dimaklumkan bahawa pihak UMNO bahagian sendiri sejak 4 tahun lalu telah ada program kecemerlangan akademik tersendiri yang dijalankan secara permaufakatan dengan jabatan pendidikan Pulau Pinang. Input yang diterima program-program seperti ini telah sedikit sebanyak membantu mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar kita.

12. Bila bercakap mengenai kecemerlangan pendidikan tidak lengkap jika kita tidak menilai tahap disiplin pelajar-pelajar di sekolah. Kerana kejayaan sebenar perlu juga diukur dengan mengambil kira sejauh mana tahap disiplin di sekolah-sekolah. Penilaian kecemerlangan adalah peningkatan pencapaian akademik dan penurunan atau sifar masalah disiplin.

13. Agak membanggakan juga di Seberang Perai Selatan, kerana merupakan daerah yang mencatatkan peratusan masalah disiplin yang paling rendah. Penglibatan pelajar dalam gejala dadah juga ketara berkurangan. Daripada 1365 pelajar yang menjalani ujian urin secara rambang hanya 0.14 (2 orang) peratus pelajar didapati positif. Ini adalah satu bukti nyata keberkesanan program-program pencegahan yang dijalankan di sekolah-sekolah.

14. Saya menyeru sesuai dengan program kecemerlangan pendidikan seberang perai selatan ini, agar kita seluruh warga pendidik agar meneruskan iltizam murni yang telah lama disemai. Masa depan anak didik generasi penerus zaman dan masa depan negara harus diberi keutamaan. Sebagai pendidik kita bertanggungjawab terhadap apa saja yang akan berlaku di masa hadapan.

15. Demi masa depan negara yang lebih gemilang misi negara ialah mencapai keseimbangan kuantiti dan juga kualiti di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Dan misi ini hendaklah diteruskan walaupun tempuh dasar ekonomi baru telah tamat selama mana matlamat misi itu belum tercapai. Semangat perjuangan mengemblingkan tenaga ke arah pencapaian misi ini hendaklah tidak kurang pentingnya dari perjuangan mendaulatkan pendidikan dan bahasa Melayu.

16. Profesionalisme dalam melaksanakan sistem pendidikan sekarang harus dilihat dengan cermat serta rasa penuh tanggungjawab. Golongan muda yang lahir daripada mana-mana sistem pendidikan harus dibentuk mengikut acuan sendiri dengan mengutamakan nilai-nilai murni dan ketertiban budaya bangsa.

17. Perubahan dalam bidang pendidikan tidak mungkin dapat dilakukan jika pendidik tidak bersedia dan berusaha mencari pendedahan yang lebih luas. Guru perlu bersedia menerima perubahan bersifat ke arah masa depan menjelang alaf baru dan berusaha pula memantapkan pengetahuan serta kemahiran seiring perkembangan pesat pendidikan. Guru perlu melengkapkan diri dengan mempelajari serta menguasai teknologi maklumat kerana bidang berkenaan memainkan fungsi penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

18. Perdana menteri sendiri menyarankan agar sistem pendidikan negara perlu perubahan radikal dengan meninggalkan mata pelajaran tradisional dan mempelajari yang relevan dengan era I.T. wajar diberi perhatian. Perubahan seumpama ini bagi memastikan malaysia dapat menyediakan diri dengan lebih mantap dan yakin untuk menjayakan koridor raya multimedia.

Terima kasih.